

# KEADAH PENGURUSAN ILMU LAZIM: ANALISIS DARI PERSPEKTIF ISLAM

## ***CONVENTIONAL KNOWLEDGE MANAGEMENT METHODS: AN ANALYSIS FROM THE ISLAMIC PERSPECTIVE***

**Ahmad Faiz Omar Hathab<sup>1\*</sup>**  
**Prof Madya Dr. Mohd Shukri Hanapi<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Ahmad Faiz Omar Hathab A merupakan Pelajar Ijazah Doktor Falafah (PhD) bidang Ekonomi Politik Islam di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

E-Mel alfilfilani@gmail.com

<sup>2</sup> Prof Madya Dr. Mohd Shukri Hanapi merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

E-Mel hshukri@usm.my

---

**Article history**

**Received date** : 12-5-2025

**Revised date** : 12-5-2025

**Accepted date** : 18-6-2025

**Published date** : 30-6-2025

**To cite this document:**

Omar Hathab, A. F., & Hanapi, M, S. (2025). Kaedah pengurusan ilmu lazim: Analisis dari perspektif Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 411 - 423.

---

**Abstrak:** Kaedah pengurusan ilmu lazim kini semakin meluas penggunaannya dalam pelbagai institusi, termasuk institusi berteraskan Islam. Walaupun berasaskan paradigma sekular, pendekatan ini telah diaplikasikan secara meluas dengan kadar penggunaan mencecah 80% di pelbagai institusi, tanpa pengecualian terhadap institusi Islam. Hal ini menimbulkan persoalan tentang kesesuaian dan kesan pendekatan tersebut terhadap matlamat asas institusi Islam yang bersifat rabbani. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti matlamat kaedah pengurusan ilmu lazim, menganalisisnya daripada perspektif Islam, serta merumuskan kerangka pengurusan ilmu yang selari dengan prinsip Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan dokumen. Dapatkan kajian merumuskan empat komponen penting dalam menilai dan membentuk kerangka pengurusan ilmu menurut perspektif Islam, iaitu (i) asas falsafah dan tasawur ilmu Islam yang menjadi teras pendekatan, (ii) matlamat yang menjurus kepada pencapaian keredaan Allah SWT (Mardatillah), (iii) pendekatan holistik dalam pelaksanaan, dan (iv) keselarasan proses dengan kehendak syariah. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa institusi Islam perlu menilai semula asas epistemologi dan strategi operasi yang digunakan dalam pengurusan ilmu agar tidak mengadaptasi secara membuta tuli kerangka sekular. Sebaliknya, institusi perlu membangunkan model pengurusan ilmu yang autentik dan berteraskan nilai Islam yang menyeluruh. Kajian ini menyumbang kepada kaedah pengurusan ilmu dari sudut perspektif Islam serta menyediakan asas konseptual bagi kajian empirikal masa hadapan dalam membangunkan kerangka pengurusan ilmu berdasarkan Islam yang bersifat holistik.

**Kata Kunci:** Kaedah, pengurusan ilmu lazim, perspektif Islam

**Abstract:** The conventional approach to knowledge management is now increasingly applied across various institutions, including those that are Islamically oriented. Although grounded in a secular paradigm, this approach has been widely implemented, with an adoption rate reaching approximately 80% across institutions, including Islamic ones. This raises critical questions regarding the appropriateness and implications of such an approach on the fundamental objectives of Islamic institutions, which are inherently rabbani (divinely guided). Therefore, this study aims to identify the objectives of conventional knowledge management, analyse it from an Islamic perspective, and propose a framework for knowledge management that is aligned with Islamic principles. This study employs a qualitative methodology using document content analysis. The findings of the study outline four key components in evaluating and constructing a knowledge management framework from an Islamic perspective: (i) the foundational philosophy and worldview (*tasawur*) of Islamic knowledge as the core of the approach, (ii) objectives that are oriented towards achieving the pleasure of Allah SWT (*Mardhatillah*), (iii) a holistic implementation approach, and (iv) alignment of processes with the principles of Shariah. The implications of this study suggest that Islamic institutions must critically reassess the epistemological foundations and operational strategies employed in knowledge management to avoid uncritical adoption of secular frameworks. Instead, they should develop an authentic knowledge management model that is comprehensive and grounded in Islamic values. This study contributes to the discourse on knowledge management from an Islamic perspective and provides a conceptual foundation for future empirical research in developing a holistic, Islam-based knowledge management framework.

**Keywords:** Method, conventional knowledge management, Islamic perspective

## Pengenalan

Setiap institusi pasti menggunakan sesuatu jenis kaedah pengurusan untuk menyokong aktiviti institusi mereka. Antara kaedah pengurusan yang banyak digunakan dalam institusi kini ialah kaedah pengurusan ilmu lazim. Kaedah pengurusan ilmu lazim merupakan satu bidang baru yang sedang berkembang dengan pesat. Kaedah pengurusan ilmu lazim pada masa sekarang diguna pakai sebanyak 80% oleh institusi-institusi terbesar dunia termasuk institusi berteraskan Islam (KPMG Consulting, 2000). Tambahan lagi, menurut Akram Khan (2011) kaedah pengurusan ilmu lazim semakin diiktiraf dalam merealisasikan matlamat sesebuah institusi. Persoalannya, apakah matlamat kaedah pengurusan ilmu lazim? Adakah kaedah pengurusan ilmu lazim ini sesuai digunakan sebagai satu kaedah pengurusan dalam mengurus sesebuah institusi berteraskan Islam? Bagi menjawab persoalan ini, perbincangan dalam kertas kerja ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, mengenal pasti matlamat kaedah pengurusan ilmu lazim. Kedua, menganalisis kaedah pengurusan ilmu lazim daripada perspektif Islam. Ketiga merumuskan kaedah pengurusan ilmu lazim daripada perspektif Islam.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dan kaedah analisis kandungan dokumen sebagai teknik utama pengumpulan dan penganalisisan data. Sumber data diperoleh melalui dokumen primer dan sekunder yang berkaitan dengan pengurusan ilmu lazim serta perspektif Islam terhadap pengurusan ilmu, termasuk jurnal ilmiah, buku, dan karya pemikir Islam. Analisis kandungan dilaksanakan secara tematik untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara pendekatan pengurusan ilmu konvensional dan Islam, serta merumuskan satu kerangka pengurusan ilmu yang holistik dan selari dengan nilai-nilai Islam.

## Kaedah Pengurusan Ilmu Lazim

Ilmu merupakan salah satu elemen yang memainkan peranan penting kepada pembangunan dan pembentukan daya saing sesebuah institusi (Norlinda Daim, 2008). Drucker (1995) menyatakan bahawa ilmu mampu membentuk faedah terhadap ekonomi, institusi dan masyarakat. Ilmu meliputi gerak hati, peraturan dan prosedur (Bhat, 2000) yang menjurus kepada tindakan dan keputusan (Barreto dan Eridita, 2004). Polanyi (1983) mengklasifikasikan ilmu kepada dua jenis iaitu ilmu tersirat dan ilmu tersurat. Ilmu tersirat sukar untuk dijelaskan atau disampaikan dalam konteks yang mudah difahami. Dengan kata lain, ilmu tersirat didefinisikan sebagai ilmu yang mendasari kepakaran dalam membentuk gerak hati dan idea ahli institusi. Ilmu tersurat pula didefinisikan sebagai komponen-komponen ilmu yang mudah difahami dan dijelaskan dan dapat disampaikan dalam bentuk perkataan atau nombor. Dengan kata lain, ilmu tersurat adalah seperti dokumen-dokumen institusi yang dirahsiakan.

Perbincangan seterusnya dilanjutkan kepada definisi pengurusan ilmu. Definisi pengurusan ilmu ini banyak yang telah dikemukakan oleh para ilmuwan akademik. Sebagai contoh, pengurusan ilmu dinyatakan sebagai kegiatan tersusun dan sistematik dari institusi dalam rangka memperbaiki keupayaan sesebuah institusinya. Pengurusan ilmu juga didefinisikan sebagai satu cara untuk menguruskan aktiviti dalam sesebuah institusi. Contohnya, takrifan Organization for Economic Co-operation and Development, (2002) menekankan bahawa pengurusan ilmu merujuk kepada segala aktiviti berkaitan dengan perkongsian ilmu di dalam sesebuah institusi itu. Pengurusan ilmu juga merujuk kepada proses mengumpul, menyimpan, berkongsi, dan mengaplikasikan pengetahuan dalam organisasi untuk meningkatkan prestasi dan daya saing (Alavi & Leidner, 2020).

Selanjutnya adalah berkaitan definisi kaedah pengurusan ilmu lazim. Kaedah pengurusan ilmu lazim telah dinyatakan oleh beberapa orang cendekiawan antaranya Wiig (1993), Faziah Abd Rasid (2009) dan Bhatt (2001). Menurut pandangan lazim, kaedah pengurusan ilmu lazim dilihat sebagai satu proses yang bertindak sebagai asas pengumpulan ilmu yang membawa kepada pencetusan inovasi dan produktiviti di dalam institusi. Dengan kata lain, kaedah pengurusan ilmu lazim secara umumnya, merupakan suatu proses pembelajaran yang berkesan berkaitan dengan penerokaan, eksplorasi dan perkongsian ilmu manusia secara tersurat dan tersirat dalam rangka mencapai matlamat institusi. Tambahan lagi, kaedah pengurusan ilmu lazim adalah mencipta, mengekal dan menggunakan semampu mungkin ilmu dalam sesebuah institusi (Wiig, 1993). Di samping itu, menurut Faziah Abd Rasid (2009), kaedah pengurusan ilmu lazim merupakan suatu proses untuk mengurus, mengenal pasti dan berkongsi aset ilmu yang tersimpan pada seseorang termasuk kepakaran dan pengalaman yang zahir dan tersembunyi. Bhatt (2001) juga mendefinisikan kaedah pengurusan ilmu lazim sebagai proses yang sistematis untuk berkongsi dan menggunakan ilmu untuk mengenal pasti, mengurus dan berkongsi semua aset maklumat dalam institusi. Aset ini termasuklah pangkalan data, polisi dan prosedur, pengalaman serta kepakaran pekerja.

Sehubungan itu, untuk membolehkan institusi terus bersaing, setiap institusi perlulah mengumpul, menggunakan dan menyimpan ilmu tersebut secara efisien. Hal ini disokong oleh Faziah Abd Rashid (2009) dengan mengatakan, melalui kaedah pengurusan ilmu lazim segala ilmu dapat diekstrakkan, disusun atur dan diguna pakai semula oleh institusi sebagai input untuk ahli institusi yang lain. Hal ini kerana, setiap ahli institusi mempunyai ilmu, pengalaman dan kemahiran yang tersimpan dalam diri yang dikatakan sebagai ilmu tersirat.

Sehubungan itu, dapat difahami bahawa kaedah pengurusan ilmu lazim dianggap sebagai satu konsep dan instrumen yang penting untuk merealisasikan matlamat sesebuah institusi. Dengan kata lain, kaedah pengurusan ilmu lazim dilihat sebagai strategi utama dalam pelaksanaan pengurusan sesebuah institusi untuk mencapai keuntungan. Sebagai contoh, menurut Syed Ikhwan dan Rowland (2004) Sektor Perkhidmatan Awam di Malaysia telah menggunakan kaedah pengurusan ilmu secara praktikal sebagai strategi utama dalam mengurus institusi mereka. Tambahan lagi dalam konteks Malaysia, dapat dilihat semenjak tahun 1990-an banyak institusi mula mengorak langkah bagi melaksanakan kaedah pengurusan ilmu lazim sebagai satu strategi bagi mencapai produktiviti yang tinggi. Ia bermula daripada pengaruh positif yang dibawa oleh institusi-institusi multinasional seperti Microsoft dan Hewlett Packard (HP) yang mana ia telah membawa kepada amalan, proses dan aplikasi kaedah pengurusan ilmu lazim ke negara ini (Chowdry, 2006). Sebagai contoh, pada zaman teknologi terkini, menurut Zhang et al. (2021), terdapat empat jenis bantuan teknologi dalam kaedah pengurusan ilmu iaitu *Artificial Intelligence (AI)*: Automasi proses pengurusan ilmu pengetahuan, *Blockchain*: Untuk menjamin keselamatan dan ketelusan perkongsian ilmu, *Internet of Things (IoT)*: Mengumpul data pengetahuan secara *real-time* dalam industri tertentu dan *Cloud Computing*: Memudahkan akses dan simpanan ilmu secara global.

Kaedah pengurusan ilmu lazim yang baik akan membantu institusi untuk terus mempelajari ilmu yang baru supaya dapat dipraktikkan dan boleh diguna pakai pada bila-bila masa ia diperlukan (Brandenburg dan Carroll, 1995). Hal ini dapat dilihat apabila menurut Wong& Noe (2023) mengatakan kaedah pengurusan ilmu akan memastikan perkembangan ilmu dalam sesebuah institusi sekali gus menggalakkan inovasi bagi institusi tersebut. Secara asasnya kaedah pengurusan ilmu lazim perlu melalui proses-proses tertentu bagi menjadikan ia sebuah kaedah pengurusan ilmu yang lengkap. Proses-proses tersebut ada dibincangkan oleh beberapa orang penulis seperti Spek dan Spijker (1996), Marquardt (1999), Sajjad M Nasimuddin (2012), Inkpen (2000), McCall (2008) dan Kogut (1988).

Spek dan Spijker (1996) menyatakan kaedah pengurusan ilmu lazim terbahagi kepada empat proses iaitu penciptaan ilmu, penjagaan ilmu, penyebaran ilmu, dan penerimaan ilmu. Selain itu, Marquardt (1999) ada menyenaraikan empat proses yang perlu dilalui untuk kaedah pengurusan ilmu iaitu pemerolehan ilmu, penciptaan ilmu, pemindahan atau penggunaan ilmu, dan penyimpanan ilmu. Sajjad M Nasimuddin (2012) juga ada mengetengahkan proses pengurusan ilmu secara mendalam yang terdiri daripada lima proses iaitu pemerolehan ilmu, penciptaan ilmu, penyimpanan ilmu, pemindahan ilmu dan penerapan ilmu. Sajjad M Nasimuddin (2012) berhujah dengan mengambil beberapa pandangan ahli akademik seperti Inkpen (2000), McCall (2008) dan Kogut (1988) yang turut meletakkan pemerolehan ilmu sebagai langkah pertama proses pengurusan ilmu. Dengan ini, beliau berpandangan bahawa pemerolehan ilmu dilihat merupakan proses paling penting dalam proses pengurusan ilmu. Dengan kata lain, beliau berpendapat pemerolehan ilmu sebagai langkah pertama untuk mencapai matlamat pengurusan ilmu. Beliau menguatkan hujah dengan mengatakan ilmu perlu diperoleh sebelum dapat dicipta dan disebar, kerana sifat ilmu itu harus dicari. Beliau menghujah bahawa ilmu perlu diperoleh melalui ilmu tersirat dan tersurat iaitu melalui idea ahli institusi dan dokumen-dokumen tersurat institusi. Marquardt (1999) pula meletakkan penyimpanan ilmu sebagai langkah terakhir dalam proses pengurusan ilmu bagi memastikan ilmu itu selamat untuk diguna semula.

Oleh itu, dapat dilihat betapa pentingnya proses dalam pembinaan kaedah pengurusan ilmu lazim demi mencapai matlamat institusi. Hal ini dilihat selari dengan pandangan Low Hock


Heng, Siti Zaleha Omain dan Hishamuddin Md Som (2015) yang mengatakan proses kaedah pengurusan ilmu lazim dikira penting sebagai strategi bagi menggunakan kepakaran untuk mencipta daya saing yang teguh dalam situasi perniagaan hari ini. Macintosh (1999) juga menegaskan bahawa kejayaan sesebuah institusi bergantung kepada proses kaedah pengurusan ilmu yang digunakan. Proses-proses tersebut pula adalah di laksana dalam rangka untuk mencapai matlamat kaedah pengurusan ilmu lazim iaitu untuk meraih keuntungan. Hal ini disokong oleh Khairul Nizam Zainal Badri (2012) dengan menyatakan matlamat kaedah pengurusan ilmu lazim secara khusus adalah membincangkan berkaitan keuntungan institusi sebagai matlamat utama institusi.

Matlamat keuntungan ini akan dicapai dengan meningkatkan prestasi institusi dan sekali gus memaksimumkan hasil produktiviti melalui proses-proses yang disebutkan. Hal ini disokong oleh Jashapara (2004), dengan mengatakan kaedah pengurusan ilmu lazim akan menggunakan teknologi yang sesuai untuk meningkatkan daya fikir dan intelek ahli institusi dalam rangka untuk meningkatkan prestasi dan produktiviti institusi. Tambahan lagi, Zhang et al. (2021) menyatakan dalam sektor perkhidmatan menunjukkan peningkatan produktiviti sebanyak 15% selepas penggunaan sistem pengurusan ilmu berasaskan AI. Swan (1990) berpandangan Matlamat kaedah pengurusan ilmu lazim iaitu mencapai keuntungan dapat dicapai dengan meningkatkan lagi prestasi dan keupayaan institusi melalui proses pencarian, perkongsian dan penciptaan ilmu dalam sesebuah institusi.

Dengan kata lain, apabila prestasi dan produktiviti ditingkatkan secara maksimum maka dengan automatik akan tercapai matlamat utama kaedah pengurusan ilmu institusi lazim iaitu untuk memaksimumkan pendapatan dan keuntungan di dunia semata-mata (Fadzila Azni Ahmad, 2016). Tambahan lagi, menurut Fadzila Azli Ahmad (2016), pemaksimuman pendapatan dan keuntungan di-dunia semata-mata tersebut diletakkan sebagai matlamat utama pengurusan institusi lazim kerana dikatakan ia akan menyumbang kepada kesejahteraan hidup. Selain itu, petunjuk kepada gagal atau berjayanya sesuatu institusi juga dirujuk kepada hasil pengeluaran dan hasil keuntungan sesebuah institusi. Sebagai contoh, di dunia Arab perkara ini ditekankan dalam Laporan Pembangunan Manusia di Negara Arab Saudi (2003) yang bertajuk "*Towards a Knowledge Economy*," yang menggambarkan matlamat pengeluaran dan produktiviti yang berasaskan kepada ilmu (United Nations Development Program, 2003).

Sehubungan itu, dapat dirumuskan bahawa matlamat utama kaedah pengurusan ilmu lazim adalah untuk memastikan institusi memaksimumkan produktiviti dan meluaskan pasaran secara maksimum. Dengan kata lain, ia hanya menekankan dari sudut keuntungan dunia semata-mata. Hal ini dilihat bercanggah dengan matlamat institusi Islam iaitu untuk mencapai keredaan Allah SWT di samping mencapai matlamat-matlamat material yang lain seperti perolehan keuntungan dan hasil pengeluaran.

## Rajah 1 : Kaedah Pengurusan Ilmu Lazim



Justeru, setelah mengenal pasti dan menghuraikan secara mendalam tentang matlamat serta pendekatan kaedah pengurusan ilmu lazim, adalah penting untuk melihat bagaimana pendekatan ini dibandingkan dan dinilai dari sudut pandang Islam. Perbandingan ini akan membuka ruang untuk memahami sama ada kaedah lazim ini sesuai diaplikasikan dalam konteks institusi Islam yang mempunyai asas falsafah dan matlamat yang berbeza.

## Kaedah Pengurusan Ilmu Dari Perspektif Islam

Islam merupakan suatu agama yang tidak hanya mengukur pada aspek material semata-mata, tetapi lebih dari itu iaitu mengukur kejayaan menurut pengukuran rohani (Fadzila Azni Ahmad, 2016). Hal ini kerana, unsur rohani merupakan daripada dimensi agama. Tambahan lagi, daripada pandangan ulama Islam, manusia dicipta mempunyai dua aspek yang saling memerlukan iaitu aspek rohani dan jasmani (Sham et al, 2015). Oleh itu, dapat difahami individu yang sejahtera ialah individu yang mempunyai keseimbangan antara aspek rohani dan material. Hal ini selari matlamat institusi Islam iaitu meletakkan keredaan Allah SWT sebagai matlamat utama di samping mencapai matlamat keduniaan yang lain.


Namun begitu, hal ini dilihat bercanggah dengan kaedah pengurusan ilmu lazim apabila lazim hanya memfokuskan matlamat sesebuah institusi hanya untuk memungut keuntungan dunia semata-mata. Matlamat sedemikian hanya akan memberi gambaran bahawa kaedah pengurusan ilmu lazim mempunyai falsafah yang sama dengan falsafah pengurusan lazim. Falsafah pengurusan lazim lahir daripada pemikiran barat yang tidak menjadikan aspek keagamaan sebagai asas dalam aktiviti kehidupan termasuklah aktiviti pengurusan (Mohd Kamal, 1988). Dengan kata lain, menurut Muhammad Syukri Salleh (2003) falsafah pengurusan lazim menjadikan kepenggunaan dan pemaksimuman keuntungan sebagai matlamat utama dalam mengukur kejayaan sesebuah institusi. Oleh itu, apabila kehidupan manusia dikuasai sifat

mencari keduniaan semata-mata, maka skala waktu pembangunan hanya akan terbatas kepada kehidupan dunia semata-mata. Hal ini bercanggah dengan prinsip pengurusan Islam yang mengambil kira kehidupan akhirat yang kekal abadi dan meletakkan keredaan Allah SWT sebagai matlamat akhir kehidupan.

Selain itu, matlamat kaedah pengurusan ilmu lazim sebenarnya dilihat bertentangan dengan dua asas utama tasawur pengurusan institusi Islam, iaitu Allah SWT sebagai pencipta dan manusia sebagai makhluk (Muhammad Syukri Salleh, 2003). Berdasarkan asas pertama dan kedua iaitu hubungan Allah SWT sebagai pencipta dan manusia sebagai makhluk ciptaan, sesebuah institusi tidak seharusnya menjadikan pemaksimuman keuntungan sebagai matlamat utama institusi. Hal ini kerana matlamat tersebut bercanggah dengan prinsip ketauhidan dalam Islam di mana setiap Muslim menyandarkan kehidupan kepada Allah SWT.

Dengan kata lain, Islam menekankan setiap kelakuan Muslim khususnya dalam konteks pengurusan institusi mestilah bersandarkan kepada Tuhan iaitu Allah SWT yang bertunjangkan kepada akidah Islam. Dengan kata lain, menurut al-Qardawi (2001), terdapat hubungan erat antara rohani dan agama dalam setiap kelakuan manusia. Seseorang individu itu sebenarnya mampu memenuhi keseimbangan antara keperluan rohani dan material, jika dia memasukkan elemen kerohanian yang berdasarkan ketuhanan dalam dirinya (Suriani Sudi, Fariza Md Sham, Phayilah Yama, 2016). Hal ini dilihat selari dengan matlamat utama yang harus dicapai oleh institusi Islam iaitu mendapat keredaan Allah SWT sebagai pencipta segala makhluk di dunia (Muhammad Syukri Salleh, 2003). Permasalahan berlaku apabila kaedah pengurusan ilmu lazim hanya menekankan aspek keuntungan dunia semata-mata tanpa mengambil kira perkara-perkara kerohanian yang akan membawa kepada matlamat utama institusi Islam iaitu mencapai keredaan Allah SWT. Hal ini berbeza dengan Islam yang juga menekankan perkara berbentuk material setelah mengambil kira perkara kerohanian. Hal ini disebut oleh Fadzila Azni Ahmad (2016), mengatakan dalam Islam kegiatan mengurus sesuatu institusi dengan baik dari sudut produktiviti dan pengeluaran berbentuk material juga dituntut dalam Islam.

### Rajah 2: Kaedah Pengurusan Ilmu Dari Perspektif Islam



Beliau mendarangkan firman Allah SWT dalam al-Quran yang mengharuskan umat Islam mendapatkan keuntungan melalui jalan pekerjaan. Firman Allah SWT dalam *Surah al-Baqarah* yang bermaksud, “Tidak ada dosa bagimu untuk mencari kurniaan (rezeki daripada hasil perniagaan) daripada Tuhanmu” (*Surah al-Baqarah* 2:198). Namun begitu, hal ini bukanlah bermaksud untuk mengharuskan umat Islam hanya mencari keuntungan daripada perniagaan semata-mata, tetapi keuntungan dan hasil pendapatan tersebut haruslah digunakan dalam jalan kebaikan untuk maslahat umum seperti sedekah, membantu fakir miskin, membayar zakat dan sebagainya. Dengan hal sebegini, hubungan mendatar iaitu hubungan antara manusia dan manusia akan terbina. Dengan kata lain, ia akan menjadi alat untuk mendapat keredaan Allah SWT yang merupakan matlamat utama institusi Islam.

Hal ini dilihat penting kerana dengan mencapai keredaan Allah SWT sahajalah manusia akan dikurniakan *al-falah* iaitu kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat (Mohd Shukri Hanapi, 2014). Oleh itu, dalam Islam sesebuah institusi Islam khususnya tidak boleh merasakan telah berjaya apabila dapat memaksimumkan keuntungan semata-mata sekiranya tidak berjaya mencapai matlamat yang lebih utama iaitu keredaan Allah SWT. Dengan kata lain, erti kejayaan sebenar sesebuah institusi Islam adalah apabila ahli-ahli institusi mendapat ganjaran kebaikan di alam akhirat iaitu dengan mendapat keredaan Allah SWT. Hal ini yang perlu dijadikan pegangan teguh umat Islam pada hari ini khususnya dalam konteks ahli dalam sesebuah institusi Islam.

Berdasarkan prinsip asas Islam yang telah diperincikan, maka perbincangan seterusnya akan meneliti secara analisis perbezaan antara pendekatan pengurusan ilmu lazim dan pendekatan Islam. Analisis ini penting bagi merumuskan aspek-aspek utama yang perlu diberi perhatian dalam membina satu kerangka pengurusan ilmu yang benar-benar selari dengan nilai-nilai Islam.

### Analisis Kaedah Pengurusan Ilmu Dari Perspektif Islam

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan **empat** perbezaan ketara antara kaedah pengurusan ilmu lazim dengan pandangan perspektif Islam. Perbezaan **pertama** tersebut merujuk kepada asas yang digunakan dalam membina kaedah pengurusan ilmu. Pendekatan yang diguna pakai sebagai asas oleh lazim dilihat tidak ditekankan sebaliknya hanya menjurus kepada proses yang merangka kaedah pengurusan ilmu. Sedangkan dalam Islam menekankan aspek-aspek tertentu seperti cermat dalam pemilihan sumber-sumber yang autentik sebelum merangka sesuatu kaedah. Kecermatan yang dimaksudkan bermula dengan aspek falsafah dan tasawur bidang ilmu itu sendiri sehingga ilmu tersebut diurus dan disampaikan melalui kaedah-kaedah dan syarat-syarat tertentu.

**Kedua** aspek keselarian matlamat yang diambil kira. Matlamat dalam sesebuah institusi Islam memainkan peranan penting dalam hala tuju untuk membina sebuah kerangka kaedah menguruskan apa sahaja dalam institusi termasuklah kaedah pengurusan ilmu. Maka, dapat dilihat bahawa kaedah pengurusan ilmu dan matlamat institusi Islam perlu diseragamkan mengikut keperluan institusi bagi mengukuhkan matlamat utama pembinaan kaedah pengurusan ilmu tersebut. Sebagaimana yang telah dibincangkan, matlamat keuntungan merupakan matlamat paling dominan institusi yang melaksanakan kaedah pengurusan ilmu yang lazim. Dalam konteks Islam wujud keperluan di mana matlamat dalam pengurusan ilmu juga perlu dinilai semula sekiranya institusi Islam tersebut beroperasi dengan berorientasikan dan bermatlamatkan keuntungan seperti Bank Islam dan seumpamanya. Isu keuntungan sebagai matlamat perlu diselaraskan dengan meletakkan matlamat untuk menyumbang kepada kesejahteraan hidup Muslim dan terutamanya untuk agama Islam. Tidak hanya semata-mata untuk beroleh keuntungan untuk institusi sendiri sebaliknya membawa manfaat untuk semua. Islam menjelaskan bahawa kegiatan mengurus sesuatu institusi dengan baik dari sudut produktiviti dan pengeluaran berbentuk material juga dituntut dalam Islam. Maka keuntungan itu dibolehkan dalam Islam asalkan tidak menjurus kepada kekufturan.

**Ketiga**, Islam melihat pendekatan kaedah pengurusan ilmu lazim yang dilaksanakan di institusi Islam perlu menggunakan pendekatan yang lebih holistik dan sempurna dalam segenap aspek. Pendekatan di sini melibatkan individu-individu yang terlibat dalam proses menguruskan ilmu dalam institusi Islam. Pendekatan tersebut menekankan dua aspek iaitu kelakuan dan kerohanian berasaskan ketuhanan dalam diri. Dua aspek ini memainkan peranan penting terhadap kesan kaedah pengurusan ilmu dalam institusi Islam. Kelakuan individu Islam akan mencerminkan cara mereka dalam menguruskan ilmu dalam institusi. Adab, sikap dan prinsip individu Muslim melambangkan cara mereka berinteraksi dalam usaha menguruskan serta mencapai matlamat pengurusan ilmu. Individu Muslim seharusnya sentiasa memastikan rohani dan jasmani mereka berada dalam keadaan yang seimbang kerana jika kedua unsur ini tidak seimbang, akan membawa kepada kecenderungan individu tersebut terhadap pencapaian matlamat yang sama seperti yang berlaku dalam institusi lazim. Maka, kelakuan dan kerohanian ini perlu diambil kira menjadi asas dalam kaedah pengurusan ilmu.

**Keempat** berkaitan proses dalam merangka kaedah pengurusan ilmu. Kaedah pengurusan ilmu lazim iaitu pemerolehan ilmu, penciptaan ilmu, pemindahan atau penggunaan ilmu dan penyimpanan ilmu dilihat tidak mempunyai masalah untuk digunakan sekiranya ketiga-tiga perbezaan di atas dapat diperbaiki dalam institusi Islam. Islam tidak menolak perkara yang baik namun, landasan pengurusan ilmu lazim menurut Islam perlu diteliti dan diperhalusi sesuai dengan aturan Islam itu sendiri untuk digunakan. Al-Quran dan As-Sunnah itu sendiri merupakan sumber yang paling lengkap dalam Islam. Namun begitu, dalam berdepan dengan

perkara-perkara baru yang berkaitan kemaslahatan perlu diberikan perhatian yang lebih mendalam kerana imej Islam sentiasa dipandang masyarakat dunia. Individu Muslim tidak boleh berkompromi dengan mana-mana perkara yang di luar batasan syariat meskipun habuan dunia seperti kekayaan dan keuntungan sentiasa diperlihatkan di hadapan mata. Keredaan Allah SWT merupakan kebahagiaan dan kesejahteraan utama dan hakiki yang perlu dicapai setiap individu Muslim di dunia dan di akhirat.

### **Kesimpulan**

Kaedah pengurusan ilmu lazim dilihat semakin diiktiraf sebagai pendekatan kritikal yang boleh dimanfaatkan untuk mencapai kedudukan yang kompetitif dan tahap pencapaian yang unggul (Tasmin dan Woods, 2007). Walau bagaimanapun, kaedah pengurusan ilmu lazim ini mempunyai falsafah lazim yang bermatlamat keuntungan keduniaan semata-mata. Oleh itu, kaedah pengurusan ilmu perlu dirombak dari akar umbi dan membina semula satu kaedah pengurusan ilmu yang berteraskan Islam. Hal ini wajar kerana sesebuah institusi Islam harus menggunakan pengurusan yang dilahirkan daripada acuan tasawur Islam agar dapat mencapai matlamat institusi Islam itu sendiri iaitu mencapai keredaan Allah SWT. Sebagai rumusan, kertas kerja ini mencadangkan agar setiap institusi menggunakan kaedah pengurusan ilmu yang berteraskan Islam iaitu yang merujuk kepada epistemologi dan tasawur Islam sebagai panduan yang akan melahirkan matlamat utama iaitu keredaan Allah SWT.

## Bibliografi

- Ahmad, F. A. (2016). *Konsep pengurusan institusi pembangunan berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akram, K., Siddiqui, S. H., Atif Nawaz, M., Ghauri, T. A., & Cheema, A. K. H. (2011). Role of knowledge management to bring innovation: An integrated approach. *International Bulletin of Business Administration*, (11), 1–10.
- Alavi, M., & Leidner, D. E. (2020). Review: Knowledge management and knowledge management systems: Conceptual foundations and research issues. *MIS Quarterly*, 25(1), 107–136.
- Al-Qaradawi, Y. (2001). *Al-'Ibadah fi al-Islam*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Barreto, I., & Eradita, R. (2006). How does tacit knowledge proliferate? An episode-based perspective. *Organization Studies*, Online First. London: Sage Publications.
- Bhatt, G. D. (2000). Organizing knowledge in the knowledge development cycle. *Journal of Knowledge Management*, 4(1), 15–26.
- Bhatt, G. D. (2001). Knowledge management in organizations: Examining the interaction between technologies, techniques, and people. *Journal of Knowledge Management*, 5(1), 68–75.
- Brandenburg, A. M., & Carroll, M. S. (1995). Your place or mine? The effect of place creation on environmental values and landscape meanings. *Society and Natural Resources*, 8, 381–398.
- Chowdry, N. (2006). Building KM in Malaysia. Retrieved October 24, 2016, from <http://www.inspen.gov.my/inspen/v2/IG/2009/IG%202009%20Pengurusan%20Pengetahuan%20-%20Faziah.pdf>
- Daim, N. (2008). Budaya organisasi dan perkongsian pengetahuan: Faktor kejayaan kritikal. Universiti Utara Malaysia.
- Drucker, P. (1995). The information executives truly need. *Harvard Business Review*, Jan–Feb, 54–62.
- Hanapi, M. S. (2014). *Tasawur Islam dan pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, M. K. (1988). *Pendidikan dan pembangunan satu perspektif bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Ismail, M. B., Yusof, Z. M., Ahmad, K., & Yusof, M. M. (2013). *Pengurusan dan perkongsian pengetahuan sektor awam: Keperluan model*. Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jashapara, A. (2004). *Knowledge management: An integrated approach*. United Kingdom: Pearson Education Limited.
- Jasimuddin, S. M. (2012). *Knowledge management: An interdisciplinary perspective*. Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.
- Jelenic, D. (2011). The importance of knowledge management in organization with emphasis on the balance scorecard learning and growth perspective. *Management, Knowledge and Learning International Conference*.
- Kim, J., Park, S., & Lee, K. (2022). Lean knowledge management for agile organizations. *Knowledge and Process Management*, 29(1), 57–68.
- KPMG. (2000). *Knowledge management research report*. London, United Kingdom: KPMG Consulting.
- Lee, H., & Choi, B. (2021). Measuring knowledge management performance with intellectual capital metrics. *Knowledge-Based Systems*, 225, 107151.
- Liebowitz, J. (1957). *Knowledge management – Learning from knowledge engineering*.

- Low, H. H., Omain, S. Z., & Md Som, H. (2003). Perkongsian pengetahuan di kalangan industri kecil dan sederhana di Malaysia. Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia.
- Macintosh, R. (1999). Conditioned emergence: A dissipative structures approach to transformation. *Strategic Management Journal*, 20(4), 297–316.
- Malhotra, Y. (1998). Knowledge assets in the global economy: Assessment of national systems.
- Marquardt, M. J. (1999). *Action learning in action: Transforming problems and people for world-class organizational learning*. Palo Alto: Davies-Black Publishing.
- Ministry of Finance. (2002). *The Knowledge-Based Economy Master Plan*. Kuala Lumpur: Malaysia.
- Mohannak, K. (2011). Diversity in knowledge management: A cultural approach. *Economic Research Center Discussion Paper*. School of Management, Faculty of Business, Queensland University of Technology, Brisbane, Australia.
- Nguyen, T., & Mohamed, S. (2022). Managing tacit knowledge through storytelling in communities of practice. *International Journal of Information Management*, 62, 102435.
- Nonaka, I., & Takeuchi, H. (1995). *The knowledge-creating company: How Japanese companies create the dynamics of innovation*. New York: Oxford University Press.
- Polanyi, M. (1983). *The tacit dimension*. MA: Doubleday & Company Inc.
- Rasid, F. A. (2009). *Pengurusan pengetahuan (K-management) di Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)*.
- Salleh, M. S. (2002). *Pembangunan berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Salleh, M. S. (2003). *7 prinsip pembangunan berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Edition Sdn. Bhd.
- Salleh, M. S., & Ahmad, F. A. (2000). *Pengurusan pembangunan Islam: Prosiding seminar*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.
- Sham, F. M., Dakir, J., Tibek, S. T., Awal, N. A. M., Hamjah, S. H., Ismail, A., Ismail, M. (2015). Education module for out-of-wedlock pregnant adolescents. *The Turkish Journal of Educational Technology*.
- Spek, R., & Spijkervet, A. L. (1996). A methodology for knowledge management. *Tutorial Notes of the 3rd World Congress on Expert System*. Seoul, Korea.
- Sudi, S., Sham, F. M., & Yama, P. (2016). Konsep kecerdasan spiritual Islam dan Barat. *Jurnal*, 3(1).
- Swan, J., et al. (1999). Knowledge management sample study guide. Retrieved October 24, 2016, from <http://www.londoninternational.ac.uk/sites/default/files/knowledge-management-sample-study-guide.pdf>
- Syed Ikhsan, S. O. S., & Rowland, F. (2004). Knowledge management in a public organization in Malaysia: Do people really share? *Leadership Centre, National Institute of Public Administration (INTAN)*, Kuala Lumpur.
- Tasmin, R., & Woods, P. (2007). Relationship between knowledge management and the firm's innovation capability. *International Journal of Services Technology and Management*, 8(1), 62–79.
- Turner, C. (2001). *The information e-economy: Business strategies for competing in the digital age* (1st ed.). Taipei: Kogan Page Publisher.
- USA Today Magazine. (2000). Sharing knowledge can prove profitable. *USA Today Magazine*, 129(2633), 15–17.
- Wang, J., & Noe, R. A. (2023). Communities of practice and innovation in organizations: A meta-analytic review. *Journal of Organizational Behavior*, 44(3), 245-260.
- Wiig, K. M. (1993). *Knowledge management foundation*. Arlington, TX: Schema Press.

Zainal Badri, K. N. (2007). *16 jam memahami pengurusan ilmu, e-niaga & teknologi internet*.  
Venton Publishing Sdn. Bhd.

Zhang, Y., Lee, S., & Kim, H. (2021). AI-driven knowledge management systems: A systematic review. *Journ*